



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur lebih daripada 18 tahun dan kurang daripada 45 tahun pada 31 Disember 2016 untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut :

JAWATAN	: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
GRED	: N19
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
PENEMPATAN DAN PUSAT TEMUDUGA	: PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) MELAKA (AYER KEROH)

JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)	:	<table border="1"><thead><tr><th>GAJI MINIMUM (RM)</th><th>GAJI MAKSIMUM (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1,352.00</td><td>4,003.00</td></tr></tbody></table>	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	1,352.00	4,003.00
GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)					
1,352.00	4,003.00					

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Calon memiliki kelayakan yang disyaratkan.
- ii. Warganegara Malaysia.
- iii. Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih 45 tahun pada tarikh tutup iklan.

IMBUHAN / ELAUN :

Selain daripada gaji bulanan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam / Imbuhan Tetap Kerajaan dan Imbuhan Tetap Perumahan akan dibayar kepada calon yang layak.

Jenis Elaun / Gred	Jumlah
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	RM300.00
Bantuan Sara Hidup*	RM300.00

** Jumlah/Jenis Elaun yang dinyatakan berbeza mengikut negeri*

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) di laman web PTPTN, **www.ptptn.gov.my** sebelum atau pada **13 September 2016**.
- ii. Calon yang berjaya untuk sesi temuduga akan dihubungi melalui email bagi maklumat tarikh menghadiri temuduga serta penyediaan dokumen-dokumen sokongan yang perlu. Sila pastikan alamat email yang dikemukakan masih aktif dan boleh digunakan.

PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan yang berikut akan ditolak :

- i. Tidak memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan; dan
- ii. Maklumat yang dinyatakan tidak lengkap atau meragukan.

CATATAN AM

- i. Pusat temuduga bagi jawatan yang diiklankan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam iklan di atas.
- ii. Calon yang tidak menerima sebarang jawapan 3 bulan selepas dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temuduga adalah di atas tanggungjawab sendiri.
- iv. Hanya calon yang berjaya di dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.